


**DEKON MAKUM: SUATU IDENTITI BAHARU
DALAM SENI PEMENTASAN TEATER
MALAYSIA**



**FAKULTI KEMANUSIAAN SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

**DEKON MAKUM: SUATU IDENTITI BAHARU
DALAM SENI PEMENTASAN TEATER
MALAYSIA**

WEENA BINTI SAMANGGANG



1 UMS

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

02 September 2016

Weena binti Samanggang
PY20118118



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **WEENA BINTI SAMANGGANG**
NO.MATRIKS : **PY20118118**
TAJUK : **DEKON MAKUM; SUATU IDENTITI BAHARU DALAM SENI PEMENTASAN TEATER MALAYSIA**
IJAZAH SARJANA : **IJAZAH SARJANA SATERA (SENI KREATIF)**
TARIKH VIVA : **23 JUN 2016**

DISAHKAN OLEH;



1. PENYELIA UTAMA

Prof Madya Dr. Andika Aziz Hussin

Tandatangan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. PENYELIA BERSAMA

En.Lokman Abd Samad

PENGHARGAAN

Salam sejahtera, syukur kepada Tuhan kerana dengan berkat dan pimpinanya, saya dengan jayanya dapat menyiapkan kajian Dekon MAKUM pada akhirnya. Rasa syukur juga pada Tuhan kerana dengan berkatnya hadir keluarga yang selalu menyokong dan memberikan motivasi dalam kajian ini. Kepada adik beradik saya amat menghargai jasa dan sumbangan kalian yang selama ini tetap menyokong usaha yang saya perjuangkan.

Ribuan terima kasih dan hormat kepada penyelia yang disanjung iaitu PM Dr. Andika Aziz Hussin, jasa beliau membantu saya selama ini dan bersabar dengan pelajar seperti saya ini amat saya hargai, mudah-mudahan segala yang dicurahkan dibalas oleh yang maha kuasa sebaik-baiknya dan penuh kelimpahan. Tidak ketinggalan kalungan budi buat pensyarah-pensyarah dan pegawai yang banyak membantu selama ini terutamanya Dr Zainal Latif (UM), Encik Marzuki Ali (penggiat seni Dekon), Encik Roslan Chin (USM), Dr. Fazillah Husin (UPM), dan Encik Ahmad Hashim (Pegawai kebudayaan USM) yang serbi serbi memberi maklumat, sokongan moral dan nasihat-nasihat yang amat berguna untuk dijadikan panduan sepanjang proses penghasilan tesis ini. Tidak lupa juga kepada sahabat yang tidak jemu mendengar keluhan dan tetap memberikan buah fikiran serta motivasi, seribu penghargaan saya dahulukan.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada pihak Sekretariat MAKUM, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Sains Malaysia yang telah memberi kerjasama yang padu dalam menyediakan kawasan dan telah memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menelaah rujukan-rujukan yang ada di bahagian mereka selama tempoh kajian saya ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga diucapkan buat semua saudara mara, sahabat handai dan orang yang terlibat secara tidak langsung membantu saya dalam penghasilan tesis ini. Akhir kata, hidup lebih bermakna jika melihat sesuatu secara menyeluruh.


"Semua dapat kutanggung didalam Dia yang memberi kekuatan kepadaku".

Weena Binti Samanggang
870525-12-5746

02 September 2016

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis genre seni pementasan Dekon MAKUM yang telah berkembang di Malaysia sejak 2001, perkembangan ini terfokus khususnya di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Dekon bermula dengan ilham Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said. Kemunculan seni pementasan Dekon versi MAKUM merupakan satu proses penambahbaikan dan inovasi dari segi konsep pementasan yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS), dan hal ini sedikit menimbulkan polemik dalam kalangan pengiat seni Dekon. Namun, inovasi yang dilakukan oleh UMS merupakan satu proses pengukuhan dan pemantapan genre ini. Dekon versi MAKUM masih mengekalkan ciri-ciri asas yang dicipta oleh A. Samad Said antaranya peranan dekonis yang *versatile*, berperanan sebagai pencerita dan menukar watak di atas pentas tanpa perlu kebelakang pentas dan pertukaran ini disaksikan langsung oleh penonton. Inovasi yang dianjurkan dalam pementasan Dekon versi MAKUM pertama menerusi visual pentas seperti penggunaan multimedia dan mengetengahkan konsep kesederhanaan atau *multipurpose* dalam setiap aspek sinografi dan pelakon. Kedua menerusi naskah iaitu bahasa yang disusun lebih indah, beremosi dan falsafah bahasa yang tinggi, dan menggunakan teknik naratif dalam penulisan, peranan dekonis utama sebagai pencerita yang berperanan sebagai narator yang akan bercerita dan turut dibantu oleh dua orang dekonis pembantu.




UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

DEKON MAKUM: AN IDENTITY OF MODERN STAGE PERFORMING THEATRE ASSOCIATION

The study aims to investigate and analysis the performing arts genre of Dekon MAKUM that has grown in Malaysia since 2001, this development is focused in particular on Institutions of Higher Learning (IPTA). Dekon was inspired by the National Laureates, Datuk A. Samad Said. The emergence of performing arts Dekon MAKUM is an innovation process in terms of staging concept organized by Universiti Malaysia Sabah (UMS), and this has caused slight debates among the Dekon personage. However, the innovations made by UMS is a process of consolidation and stabilization this genre. Dekon MAKUM still retains the basic features created by A. Samad Said a versatile acting by Dekonis, he plays as narrator and changes the character on stage without having go to the backstage and this exchanging of character eyewitness directly by the audience. The first innovation that organized in Dekon MAKUM staging through stage visual with the use of multimedia and to introduce the concept of simplicity or multipurpose in every aspect of scenography. Secondly, through the language script that arranged more pleasing, emotional, philosophy of finest language, and the use of narrative technique in the literature, the main role of dekonis as storyteller who played as a narrator that will tell the all story and assisted by two other co-dekonis.



UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv
 BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Soalan Kajian	4
1.4 Tujuan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Tinjauan Kajian Lepas	6
1.8 Metodologi Kajian	9
1.9 Kaedah Analisis	10
1.10 Lokasi Kajian	10
a. Kota Kinabalu	10
b. Universiti Sains Malaysia	11
1.11 Batasan Kajian	11
 BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	13

2.2	Konsep Pementasan Teater Tradisi Lisan	13
2.2.1	Wayang Kulit – Dalang	16
2.2.2	Selampit – Penglipur Lara	18
2.2.3	Awang Batil – Penglipur Lara	18
2.3	Monodrama dan Monolog bukan Dekon	19
2.4	Sorotan Kajian Tentang Dekon MAKUM	21
2.5	Rumusan	32

BAB 3: DEKON SATU PENGENALAN

3.1	Pengenalan	34
3.2	Definisi Dekon	35
3.3	Konsep Dekon A. Samad Said	38
3.4	Sejarah Diawal Kemunculan Dekon	40
3.5	Lazri Meon: Novel Daerah Zeni	42
3.6	Latar Belakang Pengasas Idea Dekon	43
3.7	Sejarah Dekon Versi MAKUM di Universiti Malaysia Sabah (UMS)	44
3.8	Konsep Dekon Versi MAKUM	46
3.8.1	Struktur Pementasan Dekon Versi MAKUM	47
3.8.2	Lakonan – Dekonis Dalam Dekon Versi MAKUM	47
3.8.3	Jumlah Pemain – Dekonis	50
3.8.4	Naskah	51
3.8.5	Had Masa dan Plot Persembahan	53
3.8.6	Sinografi Persembahan	55
a.	Set dan Props	57
i.	Set	58
ii.	Props	62
b.	Penataan Kostum	63
c.	Tatarias	65
d.	Pencahayaan	66
3.8.7	Multimedia	68
3.8.8	Elemen Kesederhanaan Dekon Versi MAKUM	71
3.8.9	Elemen Penanda dan Petanda	72
3.9	Konsep Kesederhanaan dalam Sinografi	73

3.10	Perkaitan Dekon MAKUM dan Teater Pasca –Modenisme Malaysia	75
3.11	Rumusan	79

BAB 4 : KERJA LAPANGAN DAN HASIL KERJA LAPANGAN

4.1	Pengenalan	81
4.2	Kaedah Kajian	82
4.3	Kerja Lapangan	83
	i. Temu Bual	83
4.4	Mengenal Pasti Lokasi Kajian	84
4.5	Mengenal Pasti Informan	84
4.6	Kaedah Pengumpulan Data	96
	4.6.1 Kaedah Menemubual Secara Mendalam (in depth-interview)	87
	4.6.2 Penelitian Dokumentasi	87
	4.6.3 Pemerhatian Secara Langsung	88
	4.6.4 Pemerhatian Secara Tidak Langsung	89
4.7	Hasil Kerja Lapangan	91

BAB 5 : ANALISIS SENI PEMENTASAN DEKON VERSI MAKUM

5.1	Pengenalan	96
5.2	Konteks Pementasan Dekon Versi MAKUM	97
	5.2.1 Kesederhanaan	98
	a. Set	100
	b. Props	104
	c. Kostum	106
	d. Tatarias	109
	e. Pencahayaan	112
	f. Muzik dan Audio	114
5.3	Multimedia dalam Dekon Versi MAKUM	116
5.4	Elemen Penandan dan Petanda	120
5.5	Pementasan yang Menepati Konteks Dekon Versi MAKUM	122
5.6	Kesimpulan	123

BAB 6 : RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan	125
6.2 Rumusan, Perbincangan dan Cadangan	125
6.3 Kesimpulan dan Penutup	127

BIBLOGRAFI	128
-------------------	-----

LAMPIRAN	133
-----------------	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL


	Halaman
Jadual 3.1: Perbezaan Artistik Teater tradisional dan Kontemporari c Eksperimental	78
Jadual 4.1: Senarai Informan	86
Jadual 4.2: Data Video RakamanTahun 2009	90
Jadual 4.3: Data Video RakamanTahun 2010	90
Jadual 4.4: Data Video RakamanTahun 2011	91
Jadual 4.5: Data Video RakamanTahun 2012	91
Jadual 5.1: Aplikasi Multimedia dalam Festival Dekon MAKUM 2009	117
Jadual 5.2: Aplikasi Multimedia dalam Festival Dekon MAKUM 2010	117
Jadual 5.3: Aplikasi Multimedia dalam Festival Dekon MAKUM 2011	118
Jadual 5.4: Aplikasi Multimedia dalam Festival Dekon MAKUM 2012	118
Jadual 5.5: Pementasan yang menepati ciri-ciri pementasan Dekon Versi MAKUM sepanjang pengajuran Festival Dekon MAKUM 2009 hingga 2012.	123



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1: Plot Pementasan Dekon Versi MAKUM	55
Rajah 4.1: Kerangka Proses Penyelidikan	83



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR


	Halaman
Gambar 5.1: Set Sebuah Kerusi dalam <i>Sumantri Sukrasana</i> dari USIM	101
Gambar 5.2: Dekonis Duduk di Kerusi dalam <i>Sumantri Sukrasana</i> dari USIM	102
Gambar 5.3: Kerusi Panjang dalam Pementasan <i>Mestika Mastika Melara</i> dari UTM	102
Gambar 5.4: Pancaran Projektor Pada Kelir Dalam Pementasan Konfrontasi 13 dari UMS	103
Gambar 5.5: Kelir diubah Menjadi Dinding Dalam Konfrontasi 13 Dari UMS	104
Gambar 5.6: Urutan Perubahan Watak Yang Ditandai Dengan Props Dalam <i>Mestika Mastika Melara</i> Dari UTM	105
Gambar 5.7: Urutan Perubahan Dekonis Menanggalkan Busana (Sarung) Untuk Menjadi Watak Muda Dalam Konfrontasi 13 Dari UMS	108
Gambar 5.8: Urutan Perubahan Dekonis Memakai Pakaian Yang Dijumpai Untuk Menceritakan Watak Pada Masa Silam	109
Gambar 5.9: Dekonis Mengenakan Tatarias Yang Sederhana Dalam <i>Cheongsam Merah Untuk Ying</i> Dari UMS	111
Gambar 5.10: Dekonis Mengenakan Tatarias yang Sederhana dalam <i>Damia</i> dari UKM	111
Gambar 5.11: Dekonis Mengenakan Tatarias Yang Sederhana Dalam <i>Ngilu</i> Dari Uniza	111
Gambar 5.12: Pencahayaan Dalam Pementasan Julia Dari UPSI	112
Gambar 5.13: Pencahayaan dalam Pementasan Chainarong dari USM	113
Gambar 5.14: Pencahayaan dalam Pementasan <i>Seperti Manik Turun Dari Kayangan</i> dari UTM	114
Gambar 5.15: Kesan Bunyi yang Dihasilkan oleh Dekonis dalam Pementasan <i>Lokan Bertepuk</i> dari USM	115
Gambar 5.16: Dekonis Memainkan Alat Muzik Dalam Pementasan <i>Cheongsam Merah Untuk Ying</i> dari UMS	115
Gambar 5.17: Penggunaan Elemen Multimedia dalam Pementasan <i>Cheongsam Merah Untuk Ying</i> dari UMS	119

- Gambar 5.18: Penggunaan Elemen Multimedia dalam Pementasan *Damia* dari UKM 119
- Gambar 5.19: Penggunaan Penanda dan Petanda dalam pertukaran watak Dalam pementasan *Seperti Manik Turun Dari Kayangan* dari UTM 121
- Gambar 5.20: Penggunaan Elemen Penanda dan Petanda dalam Pementasan *Chainarong* dari USM 122



SENARAI SINGKATAN

DEKON	Deklamasi dan Lakon
MAKUM	Majlis Kebudayaan Universiti Awam Malaysia
FDM	Festival Dekon MAKUM
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
UMS	Universiti Malaysia Sabah
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Pertanian Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UNIZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UNIMAS	Universiti Sarawak Malaysia
ITBM	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Fokus utama dalam kajian ini ialah Dekon Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM) selepas ini disebut Dekon MAKUM. Istilah Dekon berasal daripada gabungan dua patah kata iaitu deklamasi dan lakon. Seni pementasan adalah merangkumi seni yang dilihat semasa hari pementasan dan merupakan satu hasil terakhir sesuatu produksi teater. Dekon MAKUM telah berusia dua belas tahun, namun genre ini kurang mendapat perhatian oleh para penggiat seni pementasan khususnya dalam bidang teater atau drama. Kekurangan ini mungkin disebabkan belum ada mana-mana kajian khusus dilakukan terhadap genre Dekon versi MAKUM.

Dekon MAKUM masih dianggap baharu berbanding dengan genre seni teater yang lain. Nur Afifah Vanitha Abdullah (2010) menyatakan sejak genre DEKON diperkenalkan oleh Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said sekitar tahun 2000-an, pelbagai tafsiran dan tanggapan dilakukan tentang bentuk persesembahan ini dalam kalangan ilmuan dan para penggiat teater tanah air. Setakat ini belum ada sebarang penulisan yang konkret tentang bentuk dan ciri Dekon yang dapat dijadikan rujukan walaupun Festival Dekon MAKUM dianjurkan sejak 2001 oleh MAKUM dan seminar tentang genre teater ini diadakan pada tahun 2007, 2010, dan 2012. Penyataan beliau ada tepat kerena hanya dalam tempoh Festival Dekon MAKUM yang telah dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah pengkaji dapati kegiatan berdekon hanya sementara dan hanya menjadi salah satu aktiviti sepanjang tempoh pengajian.

Kemunculan Dekon MAKUM pada tahun 2001 merupakan satu perkembangan genre¹ seni pementasan di Malaysia. Berdasarkan tinjauan dan maklum balas, genre Dekon MAKUM mula berkembang di kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan penganjuran Festival Dekon Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) bermula pada bulan Mac tahun 2001.

UMS sudah menempah sejarah kerana buat julung kalinya pertandingan Dekon direalisasikan di situ (Dewan Kuliah Perdana). Tempoh persempahan yang pendek (sekitar 30 minit) dan pemain minimum (satu hingga empat orang) adalah teori persempahan pentas yang sangat praktis untuk dikembangkan di IPTA juga khususnya masyarakat umum.

(Khalid Salleh dalam artikel Berita Harian, selasa, 27 Mac 2001)

Dekon ialah satu istilah baharu dan tiada daftar kata yang khusus mengenai perkataan tersebut dalam mana-mana kamus. Perkataan Dekon terhasil daripada dua patah perkataan iaitu “deklamasi” dan “lakon” yang digabungkan suku kata awal dan akhir menjadi kata nama khas “Dekon”. Seni pementasan Dekon telah bertapak di Sabah sejak tahun 2001, Sewaktu A. Samad Said diminta untuk menyampaikan novel beliau yang bertajuk Daerah Zeni (1987). Rentetan dari sesi ceramah beliau bersama Abdul Aziz H.M dan idea Dekon tercipta. Menurut kata-kata A. Samad Said dalam bukunya yang berjudul *Pak Samad di Mata Kami* (2013) menyatakan bahawa;

¹ Merujuk Kamus Dewan (2010), (génré) kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk, atau kandungan tertentu: sastera yang paling digemari ialah puisi, dgn mutu dan kecemerlangan yang dapat kita ungkapkan melalui persempahan teater atau yang lain.

Bapak memulakan dengan ceramah tentang novel *Daerah Zeni* yang kepada banyak pelajar kurang menangkap ceritanya, bersama-sama Allahyarham Abdul Aziz H.M, berkeliling ke sekolah-sekolah menengah di seluruh negeri ke Sabah dan Sarawak. Saya berceramah tentang pengalaman menulis novel *Daerah Zeni* dan dengan teks di tangan lalu menerangkan sinopsis ceritanya dan membacakan bahagian-bahagian novelnya serta mentafsirnya, Bapak harap cara demikian akan banyak menolong pelajar-pelajar mendekati novelnya .

Marzuki Ali (Pak Samad *Di Mata Kami*, 2012:92)

Datuk A. Samad Said sebagai pengasas Dekon tidak pernah menetapkan satu bentuk yang khusus berkaitan bentuk dan konsep Dekon. Malah beliau lebih senang untuk membebaskan kepada peminat Dekon untuk menafsirkan dan mencorakkan bentuk pementasan (Andika Aziz, 2013: 7). Berketepatan dengan kata-kata ini, para aktivis Dekon mula mengatur langkah dan mencari arah untuk mengukuhkan seni berDekon dalam kalangan mahasiswa IPTA di bawah satu Majlis iaitu MAKUM. Mengikut catatan awal antara orang penting yang terlibat di awal perkembangan Dekon ialah Prof Madya Inon Shaharuddin Abd Rahman, dan Dr. Andika Aziz Hussin serta para mahasiswa pengkhususan teater sesi 2001/2002 dengan berpandukan teks *Lazri Meon* yang merupakan ringkasan novel *Daerah Zeni* karya Datuk A. Samad Said yang juga merupakan novel kajian pelajar Tingkatan 5 pada tahun tersebut.

Dalam temu ramah pada 2001 di Universiti Malaysia Sabah, A. Samad Said yang pada ketika itu diundang sebagai penilai Festival Dekon MAKUM 2001 menyatakan:

DEKON – memang benar ia satu istilah baharu yang saya cipta kerana keperluan seni yang mendesak. Ringkasnya ia adalah jambatan bagi deklamasi dan lakon.

Menurut A. Samad Said lagi, Dekon membolehkan bukan sahaja pelakon teater, malah sesiapa sahaja, untuk berlakon di atas pentas. Katanya, "Saya bukan aktor, sekadar deklamator. Tapi Dekon memungkinkan saya bergerak di atas pentas sebagai deklamator, juga sebagai aktor".

1.2 Permasalahan Kajian

Kewujudan sesuatu yang baharu sememangnya tidak mudah diterima pakai oleh sesiapa sebelum mengetahui asal usul, latar belakang, ciri-ciri serta bentuk. Demikian hal yang sama dialami oleh genre Dekon versi MAKUM. Ketidakfahaman dalam pelbagai aspek pementasan Dekon MAKUM menyebabkan Dekon versi MAKUM kurang popular dan tidak begitu berkembang luas di Malaysia. Sebab lain, Dekon versi MAKUM berkembang dalam kalangan mahasiswa IPTA dan sehingga kini belum ada pihak luar selain IPTA yang melakukan pementasan Dekon mengikut format dan bentuk yang sepatutnya, ini terbukti menerusi maklum balas peserta dalam bengkel penulisan skrip Dekon MAKUM yang dianjurkan oleh Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah dengan kerjasama dan dilaksanakan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada April 2012. Selain itu, antara permasalahan utama Dekon adalah tiada garis panduan khusus berkaitan cara seni pementasan Dekon dibuat. Atas sebab-sebab inilah Dekon menjadi kurang dikenali ramai dan ada pihak yang sukar menerima seni pementasan ini. Timbul kekeliruan dalam penafsiran bentuk dan ciri-ciri Dekon MAKUM sehingga timbul pemahaman yang menganggap Dekon sama seperti Monodrama. Atas sebab ini pengkaji terpanggil untuk mengkaji dan mengangkat seni pementasan Dekon MAKUM ke peringkat yang seiring dengan pementasan teater lain.

Meneliti kembali permasalahan ini, ada wajarnya penggiat seni pementasan tidak begitu berminat dengan Dekon MAKUM ini kerana bila sesuatu yang tidak kukuh asasnya memberi masalah dan menambahkan beban produksi dari segi masa dan kewangan. Oleh itu, kajian yang mendalam berkaitan bentuk pementasan Dekon MAKUM wajar dalam memberi pemahaman kepada masyarakat terutama pengiat seni pementasan. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan kefahaman dan keterbukaan kepada pengiat seni pementasan di Malaysia untuk meneruskan serta mengembangkan lagi genre Dekon MAKUM ke peringkat Antarabangsa.

1.3 Soalan Kajian

- a. Apakah bentuk genre seni pementasan Dekon MAKUM?
- b. Mencari apakah perbezaan Dekon MAKUM dan genre teater yang

- lain dari aspek pementasan- lakonan dan sinografi?
- c. Apakah kelebihan atau keistimewaan seni pementasan Dekon MAKUM?

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini memberi satu pendedahan kepada masyarakat melihat genre seni pementasan yang lahir di Malaysia hasil gagasan idea seorang tokoh tempatan tidak seperti genre lain yang banyak diasaskan oleh tokoh di negara luar. Selain itu, kajian ini dapat mengembangkan sayap Dekon MAKUM di Malaysia dan seterusnya ke luar negara. Semoga kajian ini bermanfaat dan boleh digunakan untuk dijadikan bahan rujukan dan panduan kepada pengkaji-pengkaji akan datang dalam usaha mendalami dan meningkatkan lagi nilai estetika dan artistik dalam seni pementasan Dekon MAKUM yang merupakan satu penambahbaikan dari idea asal Datuk A. Samad Said.

1.5 Objektif Kajian

- a. Mengenal pasti konsep dan ciri-ciri genre pementasan Dekon versi MAKUM.
- b. Menjelaskan secara terperinci genre persembahan Dekon MAKUM menerusi tiga aspek utama iaitu lakonan,naskah dan teknikal.
- c. Membuktikan Dekon MAKUM sebagai satu identiti seni persembahan teater moden Malaysia.
- d. Memperkenalkan satu garis panduan khusus genre pementasan Dekon versi MAKUM, inovasi daripada idea asal Datuk A. Samad Said

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengukuhkan, meneruskan perjuangan seni pementasan tanah air dan seterusnya memelihara karya seni yang lahir daripada idea anak seni tempatan. Selain itu, kajian ini memberi peluang kepada masyarakat awam untuk mengenali seni Dekon dan mencuba genre ini dalam persembahan, memperkayakan lagi seni dan genre persembahan di Malaysia. Penyelidik memilih kajian ini dilakukan, walaupun seni pementasan Dekon MAKUM merupakan salah satu bentuk seni persembahan yang masih baharu di

Malaysia, Namun adalah perlu pengiat-pengiat seni tanah air terutamanya di Sabah memahami dan mendalami seni persembahan Dekon MAKUM yang unik ini. Perbandingan yang dilakukan adalah untuk memberi suatu kayu ukur kedudukan Dekon MAKUM dalam seni pementasan teater moden di Malaysia. Seterusnya menghargai genre seni yang berkembang di negeri Sabah dan merupakan gagasan tokoh sastrawan negara Datuk A. Samad Said dan Universiti Malaysia Sabah melakukan satu inovasi atau penambahbaikan dalam memberi wajah yang lebih jelas kepada genre ini. Oleh itu, mengetahui apa itu Dekon MAKUM dan bagaimana mendalami bentuk pementasannya amat penting dalam memperkasakan lagi genre seni Dekon MAKUM.

Menerusi kajian ini nanti, penyelidik berharap dapat memberikan sumbangan dari segi mengenalpasti ciri-ciri dan menjelaskan lebih terperinci seni pementasan Dekon MAKUM disamping meningkatkan dan membangunkan seni persembahan Dekon MAKUM sebagai kesenian baharu yang bakal menaikkan lagi mutu persembahan seni di Sabah dan seterusnya memantapkan lagi bentuk pementasan Dekon di Malaysia. Hasil kajian ini juga diharap memberikan sumbangan rujukan akademik kepada pengiat dan penyelidik – penyelidik seni pementasan yang akan datang.

1.7 Tinjauan Kajian

Kajian ini hanya meliputi skop genre pementasan Dekon MAKUM. Kajian naskah Dekon hanya pengenalan sahaja pengkaji kaji ini kerana fokus utama pengkaji adalah dari aspek pementasan dan ianya juga disebabkan limitasi masa pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Ciri-ciri lakonan asas dalam Dekon MAKUM serta konsep teknik pementasan menerusi aspek sinografi iaitu pencahayaan, set, props, kostum, tatarias, dan multimedia sahaja. Bagi mengukuhkan kajian pengkaji, terdapat beberapa buku panduan yang pengkaji gunakan antaranya Prosedur Pementasan Dekon MAKUM, buku yang memuatkan artikel hasil tulisan para pengiat seni Dekon dan tokoh akademik yang pernah terlibat dan menyaksikan Dekon seperti Datuk A. Samad Said, Dr. Zainal Latif, Marzuki Ali, Dr. Afifah Abdulah dan ramai lagi. Buku ini banyak memberi penjelasan kepada pengkaji terutama dalam hal memahami sejarah kewujudan Dekon dan pementasan Dekon MAKUM.

Buku seterusnya adalah buku yang menjadi titik tolak kepada terbitnya idea Dekon iaitu Novel Daerah Zeni diterbitkan pada tahun 1985 oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Petaling Jaya dan dijadikan novel kajian dalam kesusasteraan tingkatan 4. Novel Daerah Zeni menceritakan watak utama Lazri Meon. Lazri Moen mempunyai dua orang anak Zeni dan Zedi. Kedua-dua anaknya ini mempunyai masalah dalam kehidupan masing-masing. Naskah terawal Dekon adalah Lazri Meon yang ditulis oleh Datuk A. Samad Said, Naskah ini terhasil melalui novel beliau yang bertajuk Daerah Zeni. Dalam novel tersebut watak utamanya adalah Lazri Meon, yang merupakan seorang penulis dan ketua keluarga yang duduk di sebuah bangku. Dia berdepan dengan segala peristiwa termasuk berceramah kepada pelajar-pelajar kemudian mengenangkan (imbas kembali) tentang nasib kedua-dua puterinya Zedi yang lumpuh dan Zeni seorang ibu tunggal, serta tentang arwah isteri kesayangannya yang disajikan tidak mengikut kronologi cerita (Marzuki Ali, 2001). Naskah Lazri Meon merupakan ringkasan daripada novel Daerah Zeni sempena nama watak utamanya, Lazri Meon. Menurut Marzuki Ali (2012;53) akhirnya A. Samad Said melahirkan segala apa yang dikerjakannya menjadi sebuah skrip yang kemudiannya dicetak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1998) dengan nama Lazri Meon. Dengan lahirnya naskah Lazri Meon membuka satu ruang kepada para pengiat seni pementasan yang ingin mementaskan Dekon. Selain itu, naskah ini juga memberikan petunjuk berkaitan teknik penulisan skrip Dekon. Dalam bentuk naskah itu Lazri Meon iaitu watak utama dalam novel Daerah Zeni, dan Lazri Meon ini merupakan ringkasan dari keseluruhan novel

Menerusi novel Daerah Zeni tercetus idea Dekon daripada keperluan seorang sasterawan yang ingin menjelaskan novel karangannya sendiri. Skrip atau yang lebih tepat lagi teks Lazri Meon adalah mengenai watak yang menceritakan tentang keadaannya dan keluarganya. Terdapat seorang sahaja pemain, dan kita dapat gaya bahasanya sangat indah dan memikat (Zainal Abd Latif, 2010;80).

Buku-buku mengenai teater terutama dalam bidang sinografi seperti *Scene Design and Stage Lighting* dan *Sinografer* banyak menerangkan berkaitan konsep dan bentuk pentas, buku ini membantu penyelidik memahami teori asas rekaan pentas dan gambaran berkaitan konsep visual pentas secara mendalam.

Selanjutnya, buku *Menjadi Sinografer* tulisan Citra Smara dan Fabianus Hiapianto Koesoemadinata memberikan penjelasan berkaitan bidang tugas sinografer dan pengetahuan seni pertunjukan teater serta memahami konsep rekaan pentas.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan buku *Aspek Lakonan dalam Teater Bangsawan* dalam memahami konsep dan bentuk teater tradisional di Malaysia yang mempunyai kaitan dengan elemen penanda dalam Dekon MAKUM. Menerusi buku ini, pengkaji juga dapat mempelajari struktur kerangka kajian yang dilakukan tanpa sumber bertulis dan bahan terbitan akan tetapi kajian yang dilakukan dalam buku ini lebih kepada kaedah temu bual informan.

Buku *Drama Melayu: Dari Skrip ke Pentas* tulisan Rahmah Bujang banyak menerangkan asas dalam sesebuah pementasan bermula dari kerja pengarah, kru belakang pentas sehingga kepada peranan pelakon. Buku ini juga banyak menerangkan aspek sinografi dalam pementasan. Selain itu, buku tulisan Fazilah Husin bertajuk Teater Melayu Teks dan Eksperimentasi menjelaskan sejarah teater Melayu terutamanya era teater moden dari segi konsep pementasan dan skrip.

Selain itu, pengkaji menggunakan bahan bacaan jurnal dan artikel yang ditulis oleh pengiat seni Dekon yang diterbitkan dalam majalah dan surat khabar seperti bengkel Dekon bermula 15 Mac di UKM, artikel antaranya teknik penulisan persempahan Dekon MAKUM, menyerlahkan Dekon: konsep menjadi realiti. Selain itu, jurnal serta buku-buku mengenai teori pementasan teater yang dianjurkan oleh tokoh-tokoh teater seperti buku *Actor Prepares* oleh Stanislavski, *Empty Space* oleh Peter Brook, dan *Poor Theatre* oleh Jerzy Grotowski banyak membantu pengkaji dalam memahami konsep lakonan, ruang pentas, emosi pelakon dan metod pementasan teater moden.

Selain daripada kajian menerusi buku-buku, pengkaji juga akan melakukan kaedah temu bual tokoh seni yang terlibat sebagai juri dalam pertandingan Dekon MAKUM seperti Marzuki Ali dan Khalid Salleh yang merupakan aktivis teater, Monodrama dan Dekon, dan tenaga pengajar seperti Dr. Zainal Latif dari Universiti Malaya (UM), Prof Madya Inon Sahahruddin Abdul Rahman dari Universiti Malaysia